

SOALAN NO: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 25 MEI 2016
SOALAN :**

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan senarai nama projek, jenis projek, kos projek, status terkini, tarikh projek dimulakan dan dijangka siap bagi klinik kesihatan (KK), klinik desa (KD) dan hospital di Sabah dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11)

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11), terdapat sebanyak 53 buah projek kesihatan yang telah diluluskan untuk negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **23 buah projek merupakan projek baru** yang diluluskan dalam RP1, RMK-11. Daripada 23 buah projek ini, tujuh (7) buah projek adalah Klinik Kesihatan, Sembilan (9) buah projek Menaiktaraf dan selebihnya adalah projek-projek seperti Klinik Pergigian, fasiliti, mekanikal dan elektrik. Manakala baki **30 projek merupakan projek sambungan** daripada RMK-10 yang terdiri daripada Sembilan (9) buah projek Klinik Kesihatan, satu (1) buah

projek Klinik Desa, 12 buah projek Menaiktaraf, satu (1) Pusat Perubatan Nukleus dan Radiotherapi Hospital Wanita dan Kanak-Kanak dan selebihnya adalah projek pejabat kesihatan, fasiliti dan peralatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD

TARIKH : 25.5.2016

SOALAN : 67

Y.B. Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bersama dengan pihak industri dalam membantu pelajar-pelajar lepasan Institut Pengajian Tinggi untuk mendapatkan pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai bentuk kerjasama telah dijalankan bersama dengan pihak industri dalam memastikan kebolehpasaran para graduan di negara ini.

Antara bentuk kerjasama yang dijalankan di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) adalah bagi perkongsian kepakaran bagi membantu pemerkasaan program kurikulum. Sebagai contoh, penubuhan Akademi *Internet of Things* (IoT) Samsung pada 1 April di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merupakan yang pertama seumpamanya di rantau Asia bagi mendorong inovasi dan kemajuan teknologi secara berterusan di IPT. *Teaching Accountancy Firm* pula telah dilancarkan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Salihin Consulting Group (Salihin), sebuah firma audit berlesen di Malaysia memperkasakan program Sarjana Muda Perakaunan UMT agar pelajarnya lebih kompetitif dan

berdaya saing. Di Politeknik pula, Program Felo Industri dan Rakan Industri Politeknik telah dilaksanakan yang mana setiap Politeknik mempunyai sekurang-kurangnya satu rakan industri strategik. Politeknik Ibrahim Sultan bekerjasama dengan Western Digital Sdn Bhd manakala Politeknik Sultan Idris Shah bekerjasama dengan Puncak Niaga Holdings Bhd.

Selain itu, kerjasama yang dijalinan memfokuskan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar dan kemahiran tenaga kerja akademik melalui pendedahan kepada persekitaran dan pengalaman industri. Ini dilaksanakan melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri – *Industry Centre of Excellence (ICoE)* yang turut menyokong *Graduate Employability Blueprint*. Kolej Komuniti Langkawi pula telah melaksanakan Program kerjasama Langkawi Tourism Academy bersama Taylor's University dan 17 hotel bertaraf 5 bintang di Langkawi. Program *Public Private Partnership (PPP)* Kenderaan Hibrid dan EEV bersama IMI Awards UK dan Syarikat Automotif juga turut dijalinan di Kolej Komuniti Kepala Batas

IPT juga turut mengadakan MOU bersama syarikat berimpak tinggi yang menawarkan peluang pekerjaan kepada graduan. Semua bentuk kerjasama ini telah menampakkan keberhasilan di mana kejayaan dan pengiktirafan telah dapat diperolehi dalam masa yang singkat. Para graduan telah mendapat pendedahan yang awal yang mencukupi dan menepati citarasa dan kehendak industri. Justeru segala perancangan KPT yang berterusan dan memastikan ia selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25 MEI 2016
[RABU]
DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]

SOALAN :-

Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan dan status terkini secara terperinci untuk tempoh masa dari 1 Januari 2015 sehingga 30 April 2016 mengenai pembinaan sebuah Balai Bomba dan Penyelamat di Parlimen Kapar khususnya di DUN Sementa dan / atau DUN Meru; dan
- (b) apakah bantuan-bantuan yang telah disalurkan termasuk peruntukan dana kepada Balai Bomba Dan Penyelamat Sungai Pinang sepanjang tempoh masa dari 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek Balai Bomba dan Penyelamat Kapar telah dimulakan pada September 2015 dan dijangka siap pada 15 September 2016. Status terkini projek tersebut adalah pembinaan struktur utama (*super structure*) dengan tahap penyiapan adalah pada tahap 75%.

- (b) Bagi Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, beberapa bantuan telah disalurkan sepanjang tempoh tahun 2015. Ini termasuk sebuah jentera *Water Tanker* dengan kapasiti penyimpanan air sebanyak 20,000 liter bagi tujuan pemadaman serta khidmat khas. Selain daripada itu, kerja-kerja menaik taraf balai juga telah dilaksanakan melibatkan kerja mengecat bangunan bagi meningkatkan lagi imej korporat balai berkenaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016